

**MINIT**  
**MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA**  
**BIL.1/2015**

**Kementerian** : Kementerian Kewangan

**Jabatan** : Jabatan Kastam Diraja Malaysia

**Tarikh** : 4 Jun 2015 ( Khamis)

**Masa** : 9.00 pagi

**Tempat** : Dewan Persidangan Sri Rampai,  
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Aras 3 Selatan, No 3, Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, 62592, Putrajaya

**Pengerusi** : YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad  
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

**Pengerusi Bersama** : Encik S. Raja Kumaran  
*Chairman*  
*Focus Group Trade Facilitation –MICCI*

**Kehadiran** : Seperti di Lampiran I

## **1. UCAPAN PENGERUSI**

- 1.1 YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih dan mengalu-alu kehadiran semua ahli mesyuarat.**
- 1.2 Dato' Sri Pengerusi merakamkan penghargaan kepada YBhg. Dato Zainul Abidin Taib, mantan Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman / GST) dan YBhg. Dato' Abdullah Sidek, mantan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknik yang telah bersara wajib atas sumbangan mereka menjayakan Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta.**
- 1.3 Dato' Sri turut merakamkan penghargaan kepada pihak swasta atas kerjasama yang amat baik dalam menjayakan pelaksanaan GST yang bermula pada 1 April 2015.**
- 1.4 Beliau memaklumkan kesungguhan pegawai Jabatan Kastam dan kerjasama pihak swasta membolehkan Jabatan Kastam menangani cabaran-cabaran pelaksanaan GST dengan baik.**
- 1.5 Dato' Sri Pengerusi memaklumkan sejak tahun 2010, Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta telah membincangkan 93 usul pihak swasta. Sebanyak 87 usul telah diselesaikan manakala 6 usul yang belum selesai.**

- 1.6 Dato'Sri Pengerusi turut memaklumkan 42 usul akan dibincangkan pada mesyuarat kali ini. Enam usul merupakan perkara berbangkit daripada mesyuarat lepas dan 36 usul sebagai usul baru.
- 1.7 Beliau membuat keputusan 22 usul berkaitan GST tidak akan dibincangkan dalam mesyuarat ini memandangkan jawapan untuk usul tersebut telah dihantar secara bertulis kepada semua ahli mesyuarat.
- 1.8 Dato' Sri Pengerusi mencadangkan bermula pada mesyuarat akan datang semua usul hendaklah dikemukakan mengikut format yang akan ditetapkan oleh urus setia supaya usul-usul tersebut boleh diambil tindakan dengan lebih baik.

**UNTUK MAKLUMAN**

## **2. UCAPAN PENGERUSI BERSAMA**

- 2.1 Pengerusi Bersama, Encik S. Raja Kumaran mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang hadir ke mesyuarat dan mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kastam atas kejayaan pelaksanaan GST yang bermula pada 1 April 2015.**
- 2.2 Pengerusi Bersama bagi pihak swasta turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Zainul Abidin bin Taib, mantan Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/GST) atas kerjasama yang diberikan melalui Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta.**
- 2.3 Encik S. Rajakumaran turut mencadang kepada pihak Jabatan Kastam supaya mengadakan Mesyuarat Panel Perundingan Kastam - Swasta di peringkat Negeri bagi memudahkan pihak swasta berbincang mengenai sesuatu isu setempat.**
- 2.4 Pengerusi Bersama mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kastam kerana meneruskan Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta ini.**

**UNTUK MAKLUMAN**

### **3. AGENDA 3 : PENGESAHAN MINIT MESUARAT**

Minit Mesuarat Panel Perundingan Kastam - Swasta Bilangan 2/2014 telah disahkan sebulat suara tanpa pindaan.

### **4. AGENDA 4: MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

#### **4.1 SELF CERTIFICATION REGIME – PROPOSAL TO IMPOSE STRICT PENALTIES AGAINST FRAUDULENT DECLARATIONS**

##### **a. Mesuarat mengambil maklum :**

- i. Deraf pindaan Akta Kastam 1967 telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum dibentangkan di Parlimen. Walau bagaimanapun, deraf tersebut telah diberi teguran dan cadangan balas yang agak substantif oleh pihak Jabatan Peguam Negara.
- ii. Jabatan Kastam sedang mengemaskini deraf akta mengikut spesifikasi yang diminta oleh Jabatan Peguam Negara.
- iii. Pindaan Akta Kastam 1967 dijangka akan dibentang pada sesi parlimen bulan Oktober 2015.

#### **TINDAKAN: KEMENTERIAN KEWANGAN**

## **4.2 VALUATION FOR EXCISE DUTIES**

- a. Mesyuarat mengambil maklum:**
  - i. Peraturan-Peraturan Eksais (Pindaan)(No.2) 2014 berhubung dengan penilaian yang diwartakan melalui [P.U.(A) 322/2014] berkuatkuasa 15 Disember 2014.**
  - ii. MICCI berpendapat pindaan ini tidak dapat menyelesaikan masalah dan mencadangkan dibuat pindaan kepada perundangan dengan menggunakan satu *rule* sahaja atau ambil kaedah penilaian GST dengan menetapkan kriteria untuk *open market value*.**
- b. Mesyuarat memutuskan JKDM hendaklah konsisten dalam menetapkan nilai dan isu ini wajar dikaji dengan mengambil kira cadangan di atas.**

**TINDAKAN: KEMENTERIAN KEWANGAN &**  
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK**

**4.3 RECOGNIZING PENANG EXPORT DECLARATION DEMINIMIS FOR BOTH K2 & K8**

**Mesyuarat mengambil maklum :**

- i. Keputusan berhubung isu ini telah diputuskan oleh Kementerian Kewangan.
- ii. Kemudahan Deminimis untuk eksport diperkenankan dan nilai yang ditetapkan adalah pada kadar RM 300 kecuali bagi dagangan yang tertakluk kepada Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012.
- iii. Keputusan ini akan dikuatkuasakan selepas pindaan Akta Kastam 1967 dibuat.

**TINDAKAN: SELESAI**

#### **4.4 FREEZING OF CUSTOMS AGENTS' LICENCE**

- a. Mesyuarat mengambil maklum keputusan kajian berhubung status tarik balik pembekuan Lesen Agen Kastam akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera sebelum dibawa ke Mesyuarat Kabinet.
  
- b. Mesyuarat membuat keputusan pihak Kementerian Kewangan akan memaklumkan kepada pihak industri setelah memperolehi persetujuan dari Kabinet.

#### **TINDAKAN: KEMENTERIAN KEWANGAN**

#### **4.5 51 % REQUIREMENT FOR COMPANIES REGISTERED AS PRIVATE LIMITED**

- a. Mesyuarat mengambil maklum bahawa keputusan kajian berhubung isu 51 % ekuiti Bumiputera untuk syarikat berstatus sebagai Sendirian Berhad akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera sebelum dibawa ke Mesyuarat Kabinet.

- b. Mesyuarat membuat keputusan pihak Kementerian Kewangan akan memaklumkan kepada pihak industri setelah persetujuan dari Kabinet diperolehi.

**TINDAKAN : KEMENTERIAN KEWANGAN**

**4.6 ROYALTI**

Mesyuarat mengambil maklum bahawa Bahagian Perundangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah menghantar keputusan Mahkamah Persekutuan berhubung kes *Nike Sales Sdn Bhd vs JKDM* kepada Bahagian Perkhidmatan Teknik untuk diedarkan kepada pegawai JKDM.

**TINDAKAN: SELESAI**

## **5. AGENDA 5: MEMBINCANGKAN USUL-USUL BARU**

### **5.1 IMPLEMENTATION OF ADVANCE MANIFEST DECLARATION**

#### **a. Mesyuarat mengambil maklum:**

- i. Manifest kapal perlu diikrar kepada Jabatan Kastam sebelum 24 jam ketibaan kapal ke pelabuhan.**
- ii. SAM berpendapat peraturan ini menimbulkan masalah kepada kapal-kapal yang datang dari negara ASEAN (*tranship containers*) kerana masa perjalanan kapal-kapal tersebut hanya akan diketahui kurang daripada 12 jam.**
- iii. SAM memaklumkan tempoh masa notis yang diberi oleh Unit Kawalan Manifest, Pelabuhan Utara adalah terlalu singkat.**
- iv. SAM mencadangkan perbincangan berkaitan isu ini perlu diadakan bersama syarikat perkapalan sebelum sesuatu keputusan dibuat.**
- v. Jabatan Kastam memaklumkan cadangan pindaan terhadap Seksyen 52(1) Akta Kastam 1967 (Rang Undang-Undang) kini dalam semakan Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara.**
- vi. Walau bagaimanapun, sementara menunggu pindaan tersebut diluluskan, surat arahan secara pentadbiran telah dikeluarkan oleh Bahagian Perkastaman berhubung isu ini.**

- b. Mesyuarat membuat keputusan bahawa Bahagian Perkastaman hendaklah membuat perbincangan lanjut berkenaan isu ini bersama-sama pihak SAM, AFAM dan lain-lain pihak yang berkaitan.

**TINDAKAN : BAHAGIAN PERKASTAMAN**

**5.2 CARRIERS AND SHIP AGENTS COMPOUNDED BY CUSTOMS FOR ERRORS BY OTHER PARTIES.**

- a. Mesyuarat mengambil maklum syarikat penghantaran dan perkapalan telah dikompaun oleh Jabatan Kastam terhadap kesalahan yang sebenarnya dibuat oleh pihak pengeksport.
  
- b. Mesyuarat memutuskan bahawa Jabatan Kastam telah bertindak mengikut peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 133(1)(a), Akta Kastam 1967.

**TINDAKAN : SELESAI**

### **5.3 uCUSTOMS**

**Mesyuarat mengambil maklum :**

- i. SAM ingin mendapatkan penerangan lanjut berkenaan pelaksanaan dan pematuhan sistem uCustoms.
- ii. Keperluan ini telah pun dipenuhi melalui Sesi Penerangan yang diadakan oleh Pasukan uCustoms.
- iii. Pihak SAM merakamkan penghargaan kepada JKDM atas kerjasama yang diberikan.

**TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

## **5.4 PAYMENT OF DUTIES AND TAXES BY EFT**

**a. Mesyuarat mengambil maklum :**

- i. ACCCIM mohon Jabatan Kastam menyediakan kemudahan pembayaran duti dan cukai melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)* di pelabuhan-pelabuhan utama, seperti di Johor dan Pulau Pinang.
- ii. Keperluan bagi pembayaran cukai makin meningkat sejak pelaksanaan GST. Penggunaan EFT perlu digunakan secara menyeluruh di semua tempat.

**b. Jabatan Kastam memaklumkan bahawa :**

- i. Amalan pembayaran duti kastam yang sedia ada adalah secara manual melalui kaunter pembayaran dan atas talian melalui sistem FSPG-FPX yang merupakan salah satu mod bayaran secara EFT.
- ii. Setakat ini sebanyak 358 syarikat telah berdaftar untuk menggunakan sistem ini di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Perak dan Terengganu (Kemaman) dan KLIA.
- iii. Had maksima untuk setiap transaksi melalui talian adalah RM 10 juta.

- iv. Melalui uCustoms yang akan bermula pada tahun 2016, pembayaran duti boleh dibuat secara online melalui JomPay (EFT), FPX B2B (EFT) , FBX B2C (EFT), Direct Debit dan Telegraphic Transfer.
- v. Bayaran secara manual melalui kaunter akan dikurangkan, dan akan terhad kepada pembayaran duti penumpang sahaja.
- vi. Manakala, pembayaran duti GST boleh dibuat secara online melalui EFT, kaunter bank, ATM dan *Cash Deposit Machine* serta *drop box* secara berpusat di General Processing Centre (GPC) Kelana Jaya.

**TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI**

## **5.5 DISCREPANCY IN IMPORT PERMIT REQUIREMENT**

**a. Mesyuarat mengambil maklum :**

- i. Jabatan Kastam meminta Permit Import dari MITI bagi bahan kimia yang tidak diklasifikasikan di bawah Konvensyen Senjata Kimia 2005.
- ii. MITI tidak dapat mengeluarkan Permit Import bagi bahan kimia yang tidak ditetapkan di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Konvensyen Senjata Kimia 2005.
- iii. FMM memohon Jabatan Kastam menyeragamkan keperluan Permit Import seperti mana dinyatakan di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Konvensyen Senjata Kimia 2005.

**b. Mesyuarat membuat keputusan :**

- i. Jabatan Kastam mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Konvensyen Senjata Kimia 2005. Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan kes dagangan kimia tertentu dan merupakan isu terpencil.
- ii. Bahagian Perkastaman dan FMM akan membuat perbincangan lanjut untuk menyelesaikan isu ini.

**TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN**

## **5.6 GST CALL CENTRE**

- a. **Mesyuarat mengambil maklum :**
  - i. Syarikat menghadapi masalah untuk menyesuaikan perniagaan dengan pelaksanaan GST walaupun terdapat 55 *industry guides* dan 16 *specific guides*.
  - ii. Pusat Panggilan Kastam menerima lebih 35,000 panggilan setiap bulan dan hanya 40 peratus panggilan dapat dijawab oleh pegawai di Pusat Panggilan Kastam.
  - iii. FMM mencadangkan Jabatan Kastam menyediakan talian khas kepada komuniti perniagaan untuk menjawab pertanyaan berkaitan GST.
- b. **Jabatan Kastam menjelaskan bahawa :**
  - i. Jumlah pegawai di Pusat Panggilan Kastam telah ditambah kepada 42 orang dan pertambahan lesen bagi menjawab panggilan sedang diusahakan oleh Jabatan Kastam.
  - ii. Pusat-pusat *Helpdesk GST* telah diwujudkan di Ibu Pejabat dan Negeri bagi menangani isu-isu dan pertanyaan GST.
  - iii. Jabatan Kastam akan mengambil tindakan penambahbaikan dari masa ke masa untuk memenuhi keperluan perniagaan.

**TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

## **5.7 TOO MANY TECHNICAL TERMS USED IN DIFFERENT ACTS**

**Mesyuarat mengambil maklum:**

- i. Terminologi berbeza telah digunakan dalam beberapa Akta berbeza yang ditadbir oleh Jabatan Kastam untuk menerangkan perkara yang sama.
- ii. Jabatan Kastam memaklumkan bahawa hal ini berlaku kerana setiap Akta telah digubal mengikut dasar dan tujuan yang berbeza membabitkan jenis cukai berbeza. Atas sebab ini, setiap Akta tidak boleh menggunakan terminologi yang sama.

**TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN**

## **5.8 EXCISE DUTY**

- a. Mesyuarat mengambil maklum :
  - i. MICCI mencadangkan pindaan perlu dilakukan ke atas Akta Eksais 1976 bagi memastikan kaedah penilaian antara pengimport dan pengilang tempatan lebih adil dan saksama.
  - ii. *Open market value* di bawah Akta GST wajar digunakan di bawah Akta Eksais.
- b. Mesyuarat membuat keputusan isu ini akan diselesaikan di peringkat Bahagian Perkhidmatan Teknik dan MICCI dikehendaki memberi input dan justifikasi serta hujahan sokongan untuk pertimbangan Bahagian Perkhidmatan Teknik.

### **TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN**

## **5.9 ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

- a. **Mesyuarat mengambil maklum :**
  - i. Jabatan Kastam telah menyediakan perkhidmatan EFT yang hanya terhad kepada agen yang dilantik sahaja.
  - ii. Keadaan ini menyebabkan kelewatan dalam pembayaran cukai serta mengganggu kelancaran proses pengikraran dagangan.
- b. **Jabatan Kastam menjelaskan bahawa :**
  - i. Amalan pembayaran duti kastam yang sedia ada adalah secara manual melalui kaunter pembayaran dan atas talian melalui sistem FSPG-FPX yang merupakan salah satu mod bayaran secara EFT.
  - ii. Setakat ini sebanyak 358 syarikat telah berdaftar untuk menggunakan sistem ini di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Perak dan Terengganu (Kemaman) dan KLIA.
  - iii. Had maksima untuk setiap transaksi melalui talian adalah RM 10 juta.
  - iv. Melalui uCustoms yang akan bermula pada tahun 2016, pembayaran duti boleh dibuat secara online melalui JomPay (EFT), FPX B2B (EFT) , FBX B2C (EFT), Direct Debit dan Telegraphic Transfer.

- v. Bayaran secara manual melalui kaunter akan dikurangkan, dan akan terhad kepada pembayaran duti penumpang sahaja.
- vi. Manakala, pembayaran duti GST boleh dibuat secara online melalui EFT, kaunter bank, ATM dan *Cash Deposit Machine* serta *drop box* secara berpusat di *General Processing Centre (GPC)* Kelana Jaya.

**TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

**5.10 TOO MANY CUSTOMS DECLARATION FORMS**

- a. Mesyuarat mengambil maklum:
  - i. Berlaku kekeliruan penggunaan Borang Kastam di pihak pedagang mod udara, laut dan darat selepas pelaksanaan GST. Jabatan Kastam diminta memaklumkan kepada perniagaan berkenaan penggunaan Borang Kastam yang betul.
  - ii. Jabatan Kastam memaklumkan bahawa Bahagian GST, Jabatan Kastam telahpun menyediakan senarai penggunaan Borang Kastam kepada ahli mesyuarat.

**TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

## **5.11 GST GUIDES**

- a. Mesyuarat mengambil maklum panduan GST yang dikeluarkan dan dimuat naik dalam portal GST mempunyai kesalahan serta tidak dikemaskini.
- b. Jabatan Kastam akan menyemak semula serta mengemaskini panduan GST berkenaan.
- c. Pihak peniaga serta ahli mesyuarat diminta memberi kerjasama kepada Jabatan Kastam dengan memaklumkan segera secara spesifik kesilapan atau maklumat yang tidak kemaskini.

### **TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

## **5.12 ZERO RATED ORDER**

- a. Mesyuarat mengambil maklum:
  - i. *Zero rated order* telah dikeluarkan oleh Jabatan Kastam bersertakan kod tarif untuk setiap item.
  - ii. *Sundry list* turut dikeluarkan oleh Jabatan Kastam untuk rujukan syarikat tempatan tetapi tidak bersertakan kod tariff. *Sundry list* tidak dikemaskini apabila *zero rated order* dipinda.

b. Mesyuarat membuat keputusan :

- i. Isu yang dibangkitkan adalah isu yang berkaitan dengan klasifikasi produk.
- ii. Syarikat boleh membuat permohonan penjenisan dagangan jika tidak berpuas hati dengan kod tariff yang dikeluarkan oleh Kastam.

**TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN**

**5.13 BANKERS' ACCEPTANCE**

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Sebelum era GST pelanggan diminta untuk menghantar proforma invois dan membuat bayaran kepada pengedar.
  - ii. Di era GST, sesetengah bank meminta untuk menghantar invois bercukai dan ini menyukarkan golongan perniagaan.
- b. Mesyuarat membuat keputusan isu yang dibangkitkan tidak berkaitan dengan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

**TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN**

**5.14 CUSTOMS OFFICER AT DIFFERENT CUSTOMS STATION WILL ADVISE DIFFERENTLY**

Mesyuarat mengambil maklum tentang dakwaan bahawa pegawai Kastam walaupun bersedia untuk menyelesaikan masalah komuniti perniagaan tetapi mereka enggan mengeluarkan surat rasmi berkaitan nasihat yang diberikan mereka.

**TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

**6. AGENDA 6: MEMBINCANGKAN HAL- HAL LAIN**

**6.1 GST TAX AGENT**

Mesyuarat mengambil maklum terhadap MICPA yang mendakwa GST Tax Agent di Pulau Pinang tidak mahir untuk memberi penerangan berkaitan isu-isu GST dan perkastaman menyebabkan terdapat syarikat dari Pulau Pinang terpaksa datang ke Putrajaya untuk mendapatkan nasihat berkaitan isu-isu GST dan perkastaman.

**TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

## **6.2 KEKURANGAN KEMUDAHAN SISTEM FSPG-FPX**

- a. Mesyuarat mengambil maklum tentang dakwaan FMM bahawa pengimport menghadapi kesukaran akibat ketiadaan sistem online seperti FSPG-FPX untuk pembayaran duti di stesen Bukit Kayu Hitam, Kedah dan di Tanjung Kupang, Johor.
- b. Jabatan Kastam memaklumkan masalah ini akan dapat diatasi apabila sistem uCustoms beroperasi kelak mulai tahun 2016.

### **TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

## **6.3 KOD TARIF TIDAK DIKEMASKINI DI LAMAN WEB KASTAM**

- a. Mesyuarat mengambil maklum teguran AFAM berhubung rungutan ahli AFAM bahawa maklumat kod tariff dalam laman web JKDM tidak dikemaskini.
- b. Mesyuarat memutuskan Bahagian Perkhidmatan Teknik perlu mengambil tindakan segera memperbaiki teguran tersebut.

### **TINDAKAN: BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK**

## **6.4 SISTEM uCUSTOMS**

- a. **Mesyuarat mengambil maklum:**
  - i. AFAM memaklumkan pihak swasta tidak diberi penerangan yang jelas berkaitan sistem uCustoms.
  - ii. AFAM berharap sistem uCustoms dapat menepati kehendak *stakeholder* Jabatan.
  - iii. Jabatan Kastam memaklumkan sesi perjumpaan dengan *stakeholder* berkaitan isu sistem uCustoms akan dilakukan bermula Jun 2015.

### **TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN**

## **6.5 KEKURANGAN PEGAWAI**

- a. **Mesyuarat mengambil maklum:**
  - i. Proses pelepasan Kastam di Pelabuhan Kastam mengambil masa yang lama akibat kekurangan pegawai.
  - ii. Jabatan Kastam memaklumkan usaha telah dilakukan secara berterusan bagi menangani masalah ini.

### **TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI**

## **7. UCAPAN PENUTUP PENGERUSI BERSAMA**

- a. Encik S. Raja Kumaran mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia kerana telah menganjurkan mesyuarat ini.
- b. Beliau berpendapat mesyuarat kali ini berjalan lancar serta telah memberi ruang kepada pihak swasta untuk mengutarakan masalah yang dihadapi mereka.
- c. Beliau berharap Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta akan diteruskan pada masa hadapan kerana ia terbukti membawa banyak kebaikan kepada pihak swasta dan pihak Kastam.

### **TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

## **8. UCAPAN PENANGGUHAN PENGERUSI**

- a. Dato' Sri Pengerusi berterima kasih kepada semua ahli mesyuarat atas penglibatan serta sumbangan idea untuk kebaikan Jabatan Kastam dan pihak swasta.
- b. Dato' Sri Pengerusi memaklumkan bahawa isu-isu teknikal berkaitan GST yang dibangkitkan oleh pihak swasta akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal GST.
- c. Dato' Sri Pengerusi berharap keputusan yang telah dibuat dalam mesyuarat ini dapat dilaksanakan segera untuk kebaikan bersama.

### **TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN**

## **9. PENANGGUHAN MESUARAT**

- a. Mesuarat ditangguh pada jam 12.15 tengah hari.
- b. Tarikh dan tempat untuk Mesuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bil.2/2015 akan ditentukan kemudian.

**Sekian,terima kasih.**

**Disediakan oleh:**

**SEKRETARIAT  
MESYURAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA BIL1/2015  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
7 JULAI 2015**

**SENARAI KEHADIRAN**

**A. PENGERUSI**

1. YBhg. Dato' Sri Khazali bin Hj. Ahmad  
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

**B. PENGERUSI BERSAMA**

1. En.S.Raja Kumaran  
*Chairman of Focus Group Trade Facilitation (MICCI)*

**C. WAKIL JKDM**

1. YBhg. Dato' Abdul Rahman bin Othman  
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan)
2. YBhg. Dato' Haji Hassan bin Ibrahim  
Penolong Ketua Pengarah Kastam  
Penguatkuasaan
3. YBhg.Dato' Haji Md.Salleh bin Said  
Pengarah Kastam  
Bahagian Perkastaman
4. YBhg.Dato' Ab.Hamid bin Salleh  
Pengarah Kastam  
Bahagian Perancangan Korporat
5. YBhg. Dato' Subromaniam Tholasy  
Pengarah Kastam  
Bahagian GST
6. YBhg. Dato' Paddy bin Abd.Halim  
Pengarah Kastam  
Bahagian Pengurusan Pematuhan

- 7. YBhg. Dato' Mariappa Ramayah**  
**Pengarah Kastam**  
**Cawangan Risikan**
- 8. Tuan Mod Nor bin Hassan**  
**Pengarah**  
**Bahagian Teknologi Maklumat**
- 9. Tuan Ong Guan Sai**  
**Pengarah Kastam**  
**Bahagian Perkhidmatan Teknik**
- 10. Tuan Zaini bin Md Desa**  
**Timbalan Pengarah Kastam**  
**Bahagian Teknologi Maklumat**
- 11. Puan Zaidah binti Mohd Noor**  
**Timbalan Pengarah Kastam**  
**Bahagian Teknologi Maklumat**
- 12. Tuan Rozainor bin Ramli**  
**Timbalan Pengarah Kastam**  
**Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia**
- 13. Puan Soria binti Osman**  
**Timbalan Pengarah Kastam**  
**Bahagian Perkhidmatan Teknik**
- 14. Tuan Wan Din bin Wan Hassan**  
**Timbalan Pengarah Kastam**  
**Bahagian Perkhidmatan Teknik**
- 15. Tuan Roslan bin Mohd Yasin**  
**Timbalan Pengarah Kastam**  
**Bahagian Perkastaman**
- 16. Puan Zaida binti Hussin**  
**Timbalan Pengarah Kastam**  
**Bahagian Pematuhan**
- 17. Puan Amarjit Kaur Maktiar Singh**  
**Timbalan Pengarah Kastam**  
**Bahgian GST**

- 18. Puan Jamilah binti Hamid**  
**Timbalan Pengarah Kastam**  
**Bahagian Penguatkuasaan**
- 19. YBhg. Datin Rosaini binti Muhamad**  
**Penolong Kanan Pengarah Kastam I**  
**Bahagian Perkhidmatan Teknik**
- 20. Tuan Ismail Rahman**  
**Penolong Kanan Pengarah Kastam I**  
**Bahagian Teknologi Maklumat**
- 21. Puan Rita Paul**  
**Penolong Kanan Pengarah Kastam I**  
**Bahagian Teknologi Maklumat**
- 22. Puan Sakenah Begum binti Md. Nazir**  
**Penolong Kanan Pengarah Kastam II**  
**Bahagian GST**
- 23. Tuan Sohaizam bin Ismail**  
**Penolong Pengarah Kastam**  
**Bahagian Perkastaman**
- 24. Tuan Soh Tek Liang**  
**Penolong Pengarah Kastam**  
**Bahagian Penguatkuasaan**
- 25. Tuan Muhammad Aizat Iskandar**  
**Penguasa Kastam**  
**Bahagian GST**

---

#### **D. WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN**

- 26. Encik Zainordin bin Shahlal**  
**Bahagian Cukai**
- 27. Encik Mohd Zainal bin Othman**  
**Bahagian Cukai**

## **E. WAKIL PIHAK SWASTA**

- 28. YBhg. Dato' Tan Kwong Jin**  
**Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)**
- 29. Y.M. Dato' Raja Abd Aziz bin Raja Muda Musa**  
**Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)**
- 30. Cik Maygelah Siva**  
**Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)**
- 31. Puan Wong Hin Wei**  
**Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)**
- 32. Encik Koh Siok Kiat**  
**Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)**
- 33. Cik Ng Sue Lynn**  
**Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)**
- 34. Puan Wong Poh Geng**  
**The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)**
- 35. Cik Tan Yu Yin**  
**The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)**
- 36. Encik Thomas Selva Doss**  
**The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)**
- 37. Encik Loo Chea Hee**  
**The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)**
- 38. Cik Lim Yen Ling**  
**The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)**
- 39. Encik Walter Culas**  
**Air Freight Association of Malaysia (AFAM)**

- 40. Encik Anuar Ashari**  
Air Freight Association of Malaysia (AFAM)
- 41. Encik Lim Kok Seng**  
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
- 42. Encik SM Thanneermalai**  
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
- 43. Encik Huang Shi Yang**  
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
- 44. Encik Ong Whee Tiong**  
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
- 45. Encik Eric Yong Siew Meng**  
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
- 46. Encik Michael Hendroff**  
Malaysian Institute of Accountants (MIA)
- 47. Encik Alvin Chua**  
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 48. YBhg. Dato' Sri Dr. Vijayan**  
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 49. YBhg. Dato' Tony Chia**  
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 50. Encik Krishman Chelliah**  
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 51. Cik Jessica Ho**  
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 52. Encik Lee Kheng Tek**  
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)

- 53. Encik Tan Jin Fai**  
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 54. Encik Lim Kar Haw**  
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 55. Encik Kamarul Azman**  
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 56. Puan Nazaina Nasir**  
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 57. Encik Lau Haw Chong**  
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
- 58. Encik Khadmudin Hj. Mohd. Rafik**  
Malaysian Knitting Manufacturers Association (MKMA)
- 59. Encik Segaran**  
Central Region Shipping Association (CRSA)
- 60. Encik Muthaiah**  
Central Region Shipping Association (CRSA)
- 61. Encik Fong Keng Lun**  
Shipping Association Malaysia (SAM)
- 62. Encik Mohd Salihin Lokman**  
Shipping Association Malaysia (SAM)
- 63. Encik Maniraja Kaliappan**  
Shipping Association Malaysia (SAM)
- 64. Encik J.Y Tee**  
Shipping Association Malaysia (SAM)

## **F. SEKRETARIAT**

- 65. Tuan Aidid Tajuddin**  
**Penolong Kanan Pengarah Kastam I**  
**Cawangan Perhubungan Awam**
- 66. Puan Kohila Rajaram**  
**Penolong Pengarah Kastam**  
**Cawangan Perhubungan Awam**
- 67. Puan Hamidah Abdul Hamid**  
**Pembantu Penguin Kastam**  
**Cawangan Perhubungan Awam**
- 67. Puan Farah Fatihah Jamaluddin**  
**Pembantu Penguin Kastam**  
**Cawangan Perhubungan Awam**